

16/01/2001

Tiada kementerian baru (HL)

Kadir Dikoh; Mohd Hamizar Hamid

KUALA LUMPUR, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang dijangka mengumumkan rombakan Kabinetnya sebelum Tahun Baru Cina ini berkata, tidak ada kementerian baru ditubuhkan.

Perdana Menteri juga menjelaskan, rombakan itu tidak sebesar seperti diheboh-hebohkan sekarang. Malah, beliau membayangkan tiada menteri pun yang akan digugurkan.

"Ia tidak akan dibuat secara besar-besaran. Anda tahu, saya tidak sewenang-wenangnya memecat orang (menteri) kerana itu amat merugikan.

"Bayangkan, anda balik ke pejabat, tiba-tiba ketua anda kata, anda dipecat. Apa perasaan anda?," katanya selepas menghadiri sambutan Aidilfitri anjuran Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, hari ini.

Sebelum itu, beliau menghadiri majlis pertemuan Perdana Menteri dengan peniaga kecil Bumiputera di tempat yang sama.

Ini adalah petunjuk paling kuat dibayangkan oleh Dr Mahathir mengenai Kabinetnya sejak mengesahkan akan melakukan rombakan itu sekembalinya dari lawatan ke Myanmar Selasa lalu.

Ditanya bilakah beliau akan mengumumkan rombakan itu, Dr Mahathir berkata ia akan dibuat secepat mungkin.

Mengenai sama ada pengumuman itu akan dibuat sebelum Tahun Baru Cina yang jatuh pada 24 Januari ini, beliau berkata: "Insya-Allah."

Apabila seorang pemberita berkata, kelewatan mengumumkan rombakan itu menyebabkan orang ramai membuat spekulasi, Dr Mahathir menjawab:

"Kamu boleh teka sebanyak mana yang kamu mahu. Ia tidak ada kesan."

Beliau juga tidak menolak kemungkinan timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, akan membuat pengumuman rombakan Kabinet itu apabila beliau melawat Jepun mulai Rabu ini.

Diminta mengulas lanjut kemungkinan beberapa menteri digugurkan, beliau berkata: "Anda tunggu... tengoklah".

Dr Mahathir berkata, rombakan itu juga tidak membabitkan penubuhan kementerian baru seperti laporan beberapa akhbar sejak kebelakangan ini.

Malah, beliau menggeleng kepala apabila ditanya kemungkinan kementerian baru dibentuk khusus untuk hal ehwal wanita.

"Saya berpuas hati dengan bentuk (Kabinet) yang ada sekarang," katanya.

Mengenai bilangan kementerian yang akan terbabit dengan rombakan itu, Dr Mahathir berkata:

"Saya tak boleh sebut. Saya perlu persembahkan kepada Yang di-Pertuan Agong (Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah) dulu. Tak eloklah dari segi protokol."

Perdana Menteri juga berkata, beliau tidak menyerahkan sebarang surat mengenai rombakan Kabinet kepada Seri Paduka hari ini.

Sebaliknya, beliau bersama beberapa menteri melapangkan masa mengunjungi Galeri Diraja Sultan Abdul Aziz di Kampung Jawa, Klang, diikuti santapan tengah hari bersama Yang di-Pertuan Agong.

Ditanya sama ada beliau menyerahkan surat watakah pelantikan menteri Kabinet kepada Yang di-Pertuan Agong sempena majlis itu, Dr Mahathir secara berselorok berkata: "Tak tahu, beberapa pucuk surat (diserah)."

Bagaimanapun, katanya, ia tidak ada kena mengena dengan surat watakah pelantikan Jemaah Menteri.

Dr Mahathir menolak andaian kononnya beliau menghadapi kesukaran membuat rombakan Kabinet kali ini sehingga pengumuman mengenainya mengambil masa.

"Saya sibuk dan sepatutnya boleh duduk saja kat pejabat. Macam hari ini, saya cuma ada sejam di pejabat, itupun ada orang datang dan kemudian terpaksa menghadiri majlis. Hingga sekarang belum balik dan malam ini ada lagi.

"Bukan sukar, tidak sama sekali. Ini kerana kesuntukan masa. Saya berpusing ligat seperti gasing. Saya tidak mempunyai masa di pejabat," katanya.

Mengenai ketidakhadiran Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman pada majlis Aidilfitri anjuran kementerian itu, Dr Mahathir berkata menteri itu sakit, bukan merajuk.

Berhubung pengganti Datuk Paduka Dr Abdul Hamid Othman, yang meletak jawatan sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri Jumaat lalu, beliau berkata perkara itu belum diputuskan.

(END)